

VAPE MENGIKUT PERSPEKTIF KESIHATAN DAN ISLAM

Oleh: Muhammad Syaib bin Md Salim, 1172446

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FPK), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 18 July 2020



TAHUKAH ANDA

APAKAH ROKOK ELEKTRONIK/VAPE?

Sebelum diketahui oleh masyarakat umum, e-cigarette adalah rokok yang menggunakan tenaga elektrik (bateri) sebagai sumber tenaga yang menghasilkan nikotin melalui katrid e-cigarette.

Bagaimana ia berfungsi?

Bateri mengalirkan elektrik ke katrid memusnahkan cecair di dalam katrid mengubah cecair menjadi wap.

Kandungan Utama Rokok Elektronik

- 1) Nikotin
- 2) Propilena Glikol (PG)
- 3) Glicerol Sayuran (VG)
- 4) Bahan Perisa dan Pewarna

Kandungan Utama Vape

- 1) Propilena Glikol (PG)
- 2) Glicerol Sayuran (VG)
- 3) Bahan Perisa dan Pewarna

Kandungan dan Kesan kepada Kesihatan

Nikotin

Nikotin ialah bahan beracun yang bertindak sebagai perangsang sistem saraf pusat. Nikotin dapat menimbulkan keaddaan berikut:

- Berman
- Meningkatkan tekanan darah
- Meningkatkan ketegangan

Propilena Glikol (PG)

Bahan kimia beracun yang bertindak sebagai perangsang sistem saraf pusat.

Bahan Perisa

Bahan kimia beracun yang bertindak sebagai perangsang sistem saraf pusat.

Logam Berat

Terdapat dalam e-cigarette yang bertindak sebagai perangsang sistem saraf pusat.

Partikel Tertentu Halus

Partikel halus yang bertindak sebagai perangsang sistem saraf pusat.

Saiz partikel 20 - 300 nanometer

Kebelakangan ini, penggunaan rokok elektronik dan vape semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja. Ibarat cendawan tumbuh selepas hujan.

Dari sudut kesihatan, rokok elektronik mengandungi bahan kimia seperti nikotin, propilena glikol, gliserin sayuran, perisa dan pewarna.

Bahan-bahan kimia yang terkandung dalam rokok elektronik dan vape boleh memudaratkan serta memberi kesan buruk terhadap kesihatan seperti ketagihan, merangsang pembekuan darah, kematian mengejut, kerengsaan mata, tekak dan kulit serta boleh membunuh sel paru-paru.

Menurut Pakar Perubatan dan Pernafasan di Pusat Perubatan Prince Court, Dr. Daniel Lee, nikotin dalam rokok elektronik boleh meningkatkan kadar denyutan nadi dan pengaliran adrenalin serta menjejaskan sistem saraf.

Selain itu, Ketua Pegawai Perubatan Pusat Saringan Kanser Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Dr. Dalilah Kamaruddin menjelaskan, pengguna rokok elektronik dan vape sebenarnya menyedut wap nikotin yang ciri-cirinya sama dengan asid nitrik.

Dari perspektif Islam, hukum pengharaman berkenaan memakan, meminum atau mengambil bahan-bahan yang memudaratkan disebut oleh ulama tersohor daripada keempat-empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali dalam kitab-kitab mereka.

Hukum tersebut adalah bersandarkan kepada syariat Islam yang melarang perbuatan dan tindakan yang membawa kepada kebinasaan dan kemudatan.

Perkara ini sangat bertepatan dengan firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.”*

Rasulullah SAW juga pernah bersabda: *“Tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan memberi kemudatan (kepada orang lain).” (Riwayat Ahmad)*

Ulama kontemporari, Sheikh Muhammad Saalih Al-Munajjid pula menyatakan bahawa rokok elektronik hukumnya adalah haram, sama seperti rokok biasa.

Lebih membimbangkan, penggunaan rokok elektronik dan vape dikhuatiri boleh melarat kepada kegiatan penyalahgunaan dadah yang jauh lebih berbahaya.

Sehubungan itu, perkara-perkara yang mendedahkan diri kita terhadap kemudaratan yang besar dan dihukum haram adalah wajib dijauhi, selaras dengan prinsip *sadd al-zari'ah* iaitu menutup pintu kerosakan.

Islam merupakan agama yang lengkap dan sentiasa menjaga kehidupan manusia sejagat berdasarkan prinsip maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Sekiranya penggunaan rokok elektronik dan vape tidak dibendung, perbuatan tidak bermanfaat ini boleh meruntuhkan lima prinsip syarak itu.

Kemudaratan yang ditimbulkan oleh rokok elektronik dan vape bukan sahaja sekadar terhadap mereka yang menghisapnya, malah turut mengancam kesihatan orang lain yang berdekatan.

Oleh itu, umat Islam hendaklah menjauhi diri daripada menghisap rokok elektronik atau vape yang bukan sahaja memudaratkan kesihatan, malah diharamkan dalam Islam.